

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN KES  
SECARA FIZIKAL DAN MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH  
DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN, MAHKAMAH RAYUAN, MAHKAMAH TINGGI  
DAN MAHKAMAH RENDAH SELURUH MALAYSIA  
SEMASA TEMPOH PANDEMIK COVID-19**

**1. PENGENALAN**

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan bagi urusan pengendalian kes secara fizikal dan melalui teknologi komunikasi jarak jauh ("*remote communication technology*")—

- (a) di Mahkamah Persekutuan;
- (b) di Mahkamah Rayuan;
- (c) di Mahkamah Tinggi; dan
- (d) di Mahkamah Rendah,

seluruh Malaysia semasa tempoh pandemik Covid-19 kecuali semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

**2. PEMAKAIAN**

2.1 Garis Panduan ini hendaklah terpakai—

- (a) bagi semua kes Sivil dan Jenayah di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah seluruh Malaysia tertakluk kepada keperluan dan kesesuaian kes; dan
- (b) bersama-sama dengan garis panduan yang berikut:
  - (i) Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 3 Mei 2020;
  - (ii) Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Tahun 2020 bertarikh 26 Mac 2020 dan 24 April 2020; dan
  - (iii) Prosedur Pengendalian Persidangan Mahkamah Secara Sidang Video Bagi Mahkamah Sabah dan Sarawak bertarikh 11 Jun 2020.

2.2 Semua Mahkamah hendaklah memastikan pematuhan **SECARA KETAT** garis panduan membendung penularan wabak COVID-19 yang dikeluarkan oleh agensi berkaitan semasa menetapkan bilangan kes di Mahkamah.

### 3. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini mula berkuat kuasa pada **7 Disember 2020**.

### 4. TATACARA PENGENDALIAN KES

#### 4.1 Mahkamah Persekutuan

##### 4.1.1 Pendengaran kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh

- (a) Persidangan Mahkamah Persekutuan untuk rayuan sivil dan permohonan sivil melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan diteruskan.
- (b) Jumlah kes yang akan ditetapkan untuk didengar melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah sama seperti yang lazimnya ditetapkan.
- (c) Pendengaran kes rayuan *Habeas Corpus* melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan diteruskan.
- (d) Kes-kes rayuan jenayah yang ditetapkan untuk sebutan bagi status serahan Notis Rayuan boleh didengar melalui teknologi komunikasi jarak jauh.
- (e) Pendengaran kes secara sidang video bagi kes-kes di Sabah dan Sarawak akan diteruskan sehingga dimaklumkan.
- (f) Prosedur Pengendalian Persidangan Mahkamah Secara Sidang Video Bagi Mahkamah Sabah Dan Sarawak yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan melalui e-mel bertarikh **11 Jun 2020** adalah terpakai dengan pindaan pada perenggan 3(d) iaitu pihak-pihak boleh mengendalikan sidang video di lokasi masing-masing tanpa perlu memohon kebenaran daripada Mahkamah. Walau bagaimanapun, pihak-pihak hendaklah memaklumkan Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan berkenaan dengan lokasi masing-masing sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh pendengaran.

##### 4.1.2 Persidangan di Mahkamah terbuka

- (a) Persidangan di Mahkamah terbuka bagi Mahkamah Persekutuan dihadkan kepada satu (1) panel sahaja dalam satu (1) hari. Panel-panel yang lain boleh bersidang melalui teknologi komunikasi jarak jauh.
- (b) Hari persidangan di Mahkamah terbuka dihadkan kepada tiga (3) hari sahaja dalam satu minggu.
- (c) Panel seboleh-bolehnya menyelesaikan kes-kes yang ditetapkan untuk pendengaran pada hari yang sama.

- (d) Sebarang penetapan tarikh baharu akan ditetapkan secara pengurusan kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh oleh Timbalan Pendaftar pada hari yang sama.

#### 4.1.3 Hujahan pihak-pihak

- (a) Hujahan bertulis hendaklah difailkan selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh pendengaran.
- (b) Bagi pendengaran permohonan kebenaran untuk merayu yang ditetapkan di Mahkamah terbuka, masa hujahan secara lisan adalah dihadkan kepada dua puluh (20) minit sahaja bagi setiap pihak.

#### 4.1.4 Persidangan bagi pendengaran kes-kes jenayah

- (a) Persidangan bagi pendengaran kes-kes rayuan jenayah selain rayuan *Habeas Corpus* akan dikendalikan di Mahkamah terbuka, tertakluk kepada permohonan pihak-pihak.
- (b) Sekiranya pihak-pihak bersetuju—
  - (i) kehadiran perayu/responden secara fizikal di Mahkamah terbuka boleh dikecualikan;
  - (ii) perayu/responden boleh menyertai persidangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh bersama peguam dari tempat tahanan; dan
  - (iii) Timbalan Pendakwa Raya boleh mengendalikan kes dari lokasi masing-masing.
- (c) Bagi prosiding pendengaran yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh, peguam hendaklah diberikan hak untuk menangguhkan prosiding sekiranya peguam perlu mendapatkan arahan lanjut anak guam semasa persidangan.
- (d) Bagi responden yang telah dibebaskan, prosiding hendaklah dijalankan secara fizikal di Mahkamah terbuka.

#### 4.1.5 Kes keutamaan (perenggan ini hanya terpakai bagi pendengaran kes di Mahkamah terbuka sahaja)

Keutamaan akan diberikan kepada—

- (a) kes-kes rayuan jenayah pra-2019;
- (b) kes-kes di mana tempoh hukuman hampir tamat;
- (c) kes-kes rayuan sivil pra-2019; dan

(d) kes-kes kepentingan awam.

#### 4.1.6 Penetapan jumlah kes bagi pendengaran di Mahkamah terbuka

Jumlah kes yang ditetapkan untuk pendengaran di Mahkamah terbuka bagi satu (1) panel adalah seperti yang berikut:

BIL.	BIDANG KUASA	JENIS KES	PENETAPAN JUMLAH KES
1.	Sivil	• Rayuan Sivil	• Satu (1) kes rayuan sivil.
		• Permohonan Sivil	• Tiga (3) permohonan sivil.
		• Rujukan Sivil	• Satu (1) kes Rujukan Sivil
2.	Jenayah	• Rayuan Jenayah	• Dua (2) kes Rayuan jenayah
		• Rujukan Jenayah	Satu (1) kes Rujukan Jenayah
3.	Bidang kuasa Asal	• BKA	Satu (1) kes BKA

#### 4.1.7 Tempoh masa persidangan di Mahkamah terbuka

Persidangan Mahkamah akan berlangsung sehingga jam 3.30 petang bagi membolehkan kerja-kerja sanitasi dijalankan di bilik bicara Mahkamah.

#### 4.1.8 Pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan

- (a) Pengurusan kes bagi rayuan sivil dan permohonan sivil akan dikendalikan secara e-Review.
- (b) Pengurusan kes bagi rayuan jenayah dan permohonan jenayah akan dikendalikan secara e-mel atau secara sidang video.

## 4.2 Mahkamah Rayuan

#### 4.2.1 Pendengaran kes melalui teknologi komunikasi jarak jauh

- (a) Persidangan Mahkamah Rayuan untuk rayuan sivil dan permohonan sivil melalui teknologi komunikasi jarak jauh akan diteruskan termasuk bagi kes-kes yang tidak difailkan secara e-filing (manual).

- (b) Tiada had untuk penetapan bilangan kes yang akan didengar melalui teknologi komunikasi jarak jauh.
- (c) Pendengaran kes secara sidang video bagi kes-kes di Sabah dan Sarawak akan diteruskan sehingga dimaklumkan.
- (d) Prosedur Pengendalian Persidangan Mahkamah Secara Sidang Video Bagi Mahkamah Sabah Dan Sarawak yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan melalui e-mel bertarikh **11 Jun 2020** adalah terpakai dengan pindaan pada perenggan 3(d) iaitu pihak-pihak boleh mengendalikan sidang video di lokasi masing-masing tanpa perlu memohon kebenaran daripada Mahkamah. Walau bagaimanapun, pihak-pihak hendaklah memaklumkan Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan berkenaan dengan lokasi masing-masing sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh pendengaran.

#### 4.2.2 Hujahan pihak-pihak

Hujahan bertulis hendaklah difailkan selewat-lewatnya dua (2) minggu daripada tarikh pendengaran.

#### 4.2.3 Persidangan bagi pendengaran kes-kes jenayah

- (a) Persidangan pendengaran bagi kes-kes rayuan jenayah di Mahkamah Rayuan akan dikendalikan di Mahkamah terbuka tertakluk kepada permohonan pihak-pihak.
- (b) Sekiranya pihak-pihak bersetuju—
  - (i) kehadiran perayu/responden secara fizikal di Mahkamah terbuka boleh dikecualikan;
  - (ii) perayu/responden boleh menyertai persidangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh bersama peguam dari tempat tahanan; dan
  - (iii) Timbalan Pendakwa Raya/Peguam boleh mengendalikan kes dari lokasi masing-masing.
- (c) Bagi prosiding pendengaran yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh, peguam hendaklah diberikan hak untuk menanggungkan prosiding sekiranya peguam perlu mendapatkan arahan anak guam semasa persidangan.
- (d) Bagi perayu/responden yang telah dibebaskan, prosiding hendaklah dijalankan secara fizikal di Mahkamah terbuka.

#### **4.2.4 Kes keutamaan**

Keutamaan akan diberikan kepada—

- (a) kes-kes rayuan jenayah pra-2019;
- (b) kes-kes di mana tempoh hukuman hampir tamat; dan
- (c) kes-kes kepentingan awam.

#### **4.2.5 Penetapan jumlah kes rayuan jenayah dan permohonan jenayah bagi pendengaran di Mahkamah terbuka**

Jumlah kes rayuan jenayah dan permohonan jenayah yang ditetapkan untuk pendengaran di Mahkamah terbuka adalah tiga (3) kes sahaja untuk setiap persidangan.

#### **4.2.6 Tempoh masa persidangan di Mahkamah terbuka**

Persidangan Mahkamah akan berlangsung sehingga jam 3.30 petang bagi membolehkan kerja-kerja sanitasi dijalankan di bilik bicara Mahkamah.

#### **4.2.7 Pengurusan Kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Rayuan**

- (a) Pengurusan kes bagi rayuan sivil dan permohonan sivil akan dikendalikan secara e-Review.
- (b) Pengurusan kes bagi rayuan jenayah dan permohonan jenayah akan dikendalikan secara e-mel atau secara sidang video.

### **4.3 Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah**

#### **4.3.1 Semua Mahkamah yang mendengar kes jenayah di Mahkamah terbuka hendaklah bersidang pada setiap hari dan mendengar kes sebagaimana yang telah dijadualkan.**

#### **4.3.2 Bagi kes sivil—**

- (a) semua prosiding yang boleh dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;
- (b) semua prosiding yang perlu dijalankan di Mahkamah terbuka hendaklah dijalankan seperti yang dijadualkan mengikut sistem penggiliran seperti yang berikut:
  - (i) bagi lokasi yang mempunyai lebih daripada sebuah Mahkamah, penggiliran pendengaran kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah Malaya hendaklah dibuat setelah berunding dengan dan mendapat persetujuan daripada Hakim Pengurus yang berkenaan;

- (ii) bagi lokasi yang mempunyai lebih daripada sebuah Mahkamah, penggiliran pendengaran kes di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di Sabah dan Sarawak hendaklah dibuat setelah berunding dengan dan mendapat persetujuan daripada YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak;
- (iii) Hakim atau Majistret yang tidak mendengar kes di Mahkamah terbuka pada hari tersebut tidak perlu hadir dan hendaklah bertugas dari rumah; dan
- (iv) bagi Hakim atau Majistret yang mendengar kes di Mahkamah terbuka pada hari berkenaan, pegawai dan kakitangan kepada Hakim atau Majistret itu hendaklah hadir ke pejabat.

**4.3.3** Bagi lokasi yang mempunyai sebuah Mahkamah sahaja, penggiliran bertugas tidak akan dilaksanakan namun jumlah kes yang ditetapkan untuk pendengaran bolehlah dikurangkan. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pendengaran kes jenayah.

**4.3.4** Kehadiran pihak-pihak di Mahkamah terbuka

Hakim atau Majistret hendaklah memastikan kehadiran pihak-pihak yang terlibat sahaja di Mahkamah terbuka seiring dengan Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarih **3 Mei 2020** [berkaitan penetapan kes secara masa berperingkat (*staggered timing*) dan penjarakan sosial (*social distancing*)].

**4.3.5** Waktu persidangan di Mahkamah terbuka

Persidangan di Mahkamah terbuka hendaklah berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga jam 3.30 petang bagi membolehkan kerja-kerja sanitasi dijalankan di bilik bicara Mahkamah.

## **5. SENARAI PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI**

### **(a) Mahkamah Persekutuan Malaysia**

Puan Jumirah binti Marjuki  
Timbalan Kanan Pendaftar  
Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan  
03-88803947 / 019-7302253/ [jumirah@kehakiman.gov.my](mailto:jumirah@kehakiman.gov.my)

### **(b) Mahkamah Rayuan Malaysia**

Puan Norliza binti Othman  
Pendaftar Mahkamah Rayuan  
03-88804045 /012-2367976 / [norliza@kehakiman.gov.my](mailto:norliza@kehakiman.gov.my)

- (c) **Mahkamah Tinggi Malaya**  
Puan Hasbi binti Hasan  
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya  
03-88803702 / 012-2098648 / [hasbi@kehakiman.gov.my](mailto:hasbi@kehakiman.gov.my)
- (d) **Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak**  
Puan Amelati Parnell  
Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak  
088-286100 / 019-8195908 / [amelati@kehakiman.gov.my](mailto:amelati@kehakiman.gov.my)
- (e) **Mahkamah Rendah Malaya**  
Tuan M. Bakri bin Abd Majid  
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya  
03-88809418 / 019-9851333 / [mbakri@kehakiman.gov.my](mailto:mbakri@kehakiman.gov.my)
- (f) **Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak**  
Tuan Jason Juga  
Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah & Sarawak  
083-442228 (samb. 136) / 019-8346554 / [jason@kehakiman.gov.my](mailto:jason@kehakiman.gov.my)